

DESKRIPSI TUGAS

MAKLUMAT UMUM			
GELARAN JAWATAN	JURUTEKNIK KOMPUTER	DISEDIAKAN OLEH	
RINGKASAN GELARAN JAWATAN	JTK	DISEMAK OLEH	
GRED JAWATAN	JURUTEKNIK KOMPUTER, GRED FT19/ FT22 (TBK2)/ FA29(KUP)	DILULUSKAN OLEH	
GRED JD	FT19	TARIKH DOKUMEN	
STATUS JAWATAN	TETAP	BIDANG	JURUTEKNIK KOMPUTER
HIREARKI 1 / BAHAGIAN	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI	SUB BIDANG	JURUTEKNIK KOMPUTER
HIREARKI 2 / CAWANGAN / SEKTOR / UNIT	SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT / UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL ICT SEKOLAH		
SKIM PERKHIDMATAN	JURUTEKNIK KOMPUTER		
KETUA PERKHIDMATAN			
KEDUDUKAN DI WARAN PERJAWATAN			

TUJUAN PEWUJUDAN JAWATAN
Membantu melaksana dalam pengurusan serta pentadbiran berkaitan penyelenggaraan, kerja-kerja operasi dan teknikal ICT bagi sekolah seliaan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan ICT KPM tersedia, cekap, berkesan serta responsif berdasarkan prosedur dan rangka kerja yang telah ditetapkan. Memastikan infrastruktur ICT dan sistem perkhidmatan teknikal ICT bagi sekolah seliaan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berada pada tahap yang terbaik.

AKAUNTABILITI	TUGAS UTAMA
1. Melaksana inisiatif ICT baharu yang telah dirancang oleh Kementerian, JPN dan Penyelaras JTK bagi memastikan pelaksanaan berjalan lancar di peringkat sekolah seliaan.	1. Membantu perluasan pelaksanaan inisiatif baharu di sekolah seliaan berdasarkan skop projek yang ditetapkan. 2. Melaksana pemasangan perkakasan, perisian dan aplikasi mengikut keperluan pengguna. 3. Memberi perkhidmatan teknikal bagi penggunaan kelengkapan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta Pengurusan dan Pentadbiran (PdT). 4. Membantu memberikan perkhidmatan teknikal

	dan latihan atau taklimat dalam penggunaan perkakasan ICT, perisian dan aplikasi. 5. Membantu sesi aktiviti lawatan tapak ke sekolah seliaan jika perlu bagi mengenalpasti keperluan pelaksanaan inisiatif ICT baharu.
2. Melaksanakan aktiviti Penyelenggaraan Pencegahan & Penyelenggaraan Pembaikan bagi perkakasan ICT di lokasi sekolah seliaan bagi meningkatkan tahap kesediaan infrastruktur ICT sekolah ke tahap yang lebih baik.	1. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan (<i>preventive maintenance</i>) perkakasan ICT, perisian dan rangkaian secara berkala. 2. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pembaikan (<i>corrective maintenance</i>) perkakasan ICT, perisian dan rangkaian berdasarkan aduan. 3. Melaksana pemantauan dan pengesanan kerja-kerja penyelenggaraan serta pembaikan yang dilakukan oleh pihak ketiga, membuat tindakan susulan kepada pihak berkaitan bagi memastikan perkakasan, perisian dan rangkaian ICT yang diselenggara berfungsi dengan baik. 4. Melapor dan membantu memohon penggantian kelengkapan ICT yang rosak kepada Penyelaras JTK. 5. Membantu Penyelaras JTK bagi mengenal pasti keperluan perolehan, penggantian dan pelupusan peralatan ICT di sekolah seliaan. 6. Menyediakan laporan berkaitan aktiviti penyelenggaraan pencegahan secara berkala bagi aset ICT yang diselenggara secara dalaman.
3. Memberikan khidmat sokongan teknikal ICT berdasarkan aduan yang diterima daripada pengguna sama ada melalui Sistem Meja Bantuan ICT KPM (ISD) atau melalui medium lain bagi membolehkan setiap aduan dapat direkod, dipantau dan diselesaikan.	1. Menyemak aduan dan membuat analisis awal berkaitan jenis kerosakan atau masalah yang dihadapi oleh pengguna. 2. Melaksana tindakan penyelesaian dan memberikan khidmat bantu teknikal ICT berdasarkan aduan yang diterima. 3. Melaksanakan pembaikan dalam tempoh SLA (1-3 hari). 4. Memberikan maklum balas kepada Penyelaras JTK berkenaan tindakan penyelesaian dan kemaskini status aduan dalam Sistem ISD. 5. Jika pembaikan memerlukan peruntukan kewangan atau tindakan pihak ketiga, maklumkan kepada pengguna dan kemaskini status aduan dalam Sistem ISD untuk tindakan selanjutnya.

4. Memberikan khidmat sokongan teknikal ICT berdasarkan permohonan khidmat bantu yang diterima daripada pengguna sama ada melalui Sistem Meja Bantuan ICT KPM (ISD) atau melalui medium lain.	Melaksanakan khidmat bantu tugas teknikal ICT berdasarkan permohonan yang diterima. Perkhidmatan yang diberikan merangkumi: 1. Membantu sebagai urusetia teknikal ICT dengan menyedia dan memberi khidmat operasi bagi penggunaan peralatan ICT yang diperlukan. 2. Membantu menyemak dan menambah baik tahap rangkaian LAN di sekolah. 3. Menyemak dan menjalankan kerja-kerja peningkatan keupayaan peralatan ICT sekolah. 4. Membantu memberi khidmat nasihat dan membuat semakan talian internet di sekolah. 5. Membantu menyediakan maklumat aset alih kerajaan bagi perkakasan ICT dan perisian kepada pihak pengurusan sekolah. 6. Membantu memberi khidmat nasihat teknikal kepada pihak pengurusan sekolah dalam menguruskan proses pelupusan aset alih kerajaan bagi perkakasan ICT di sekolah. 7. Memeriksa dan mengemaskini status peralatan keboleh fungsian peralatan ICT di sekolah. 8. Membantu mengurus isu-isu keselamatan ICT diperingkat sekolah serta melaksana kawalan dan prosedur keselamatan yang berkesan selaras dengan dasar-dasar keselamatan yang telah ditetapkan oleh JPN/KPM/PPD/Sekolah dan MAMPU.
5. Memberi khidmat latihan dan bimbingan penggunaan sistem KPM kepada pengguna di sekolah di bawah seliaan	1. Melaksana latihan atau kursus bimbingan berkaitan penggunaan Sistem KPM kepada pengguna di sekolah. 2. Melaporkan aktiviti bimbingan dan latihan yang telah dilaksanakan kepada Penyelaras JTK.

DIMENSI

Bilangan Sekolah	:	Diisi oleh penyandang mengikut bilangan sekolah seliaan
Bilangan Guru / Pengguna PdT	:	Diisi oleh penyandang mengikut bilangan guru dan pengguna PdT sekolah seliaan
Bilangan Pelajar	:	Diisi oleh penyandang mengikut bilangan pelajar sekolah seliaan

Bilangan Peralatan ICT	: Diisi oleh mengikut bilangan peralatan ICT sekolah seliaan
Bilangan Aplikasi dan Perisian	: Diisi oleh penyandang mengikut bilangan aplikasi dan perisian sekolah seliaan
Bilangan Pegawai Di Bawah Seliaan	: Diisi oleh penyandang mengikut bilangan JTK yang diselia.
Pekeliling berkaitan	: Pekeliling/Surat Pekeliling Perkhidmatan /Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam/ Garis Panduan, Surat Arahan KPM, Kontrak Perjanjian Projek ICT KPM
KELAYAKAN AKADEMIK/IKHTISAS	
i. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. atau ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. atau iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. dan iv. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.	
KOMPETENSI	
1. Kebolehan mengendalikan perisian komputer, peralatan ICT, rangkaian LAN/WAN dan aplikasi KPM. 2. Kemahiran merancang dan membuat keputusan. 3. Kemahiran berkomunikasi. 4. Berkebolehan mengurus masa, membuat catatan dan merekod dengan berkesan.	
PENGALAMAN	
1. Berpengalaman dalam bidang teknikal ICT merangkumi perkakasan, rangkaian, perisian dan aplikasi 2. Pengalaman bertugas di Kementerian/Jabatan yang mempunyai banyak cawangan merupakan kelebihan.	